



**KENYATAAN MEDIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
(FRIM)**

**SEMPENA SEMINAR TUMBUHAN UBATAN
DAN BERAROMA KE-15 (MAPS15)**

FRIM KEPONG SELANGOR

16 OKTOBER 2018

YBM Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah mewakili YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli hari ini telah merasmikan Seminar Tumbuhan Ubatan dan Beraroma ke-15 (MAPS15) anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong hari ini.

Turut hadir ialah, Yang Berusaha Puan Azizah binti Ariffin, Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembentungan), Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS); YBhg. Dato' Dr. Abd Latif Mohmod, Ketua Pengarah FRIM dan Dr. Khali Aziz Hamzah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FRIM.

Selaras dengan pengiktirafan sebagai Pusat Pensahihan Bahan Mentah Herba oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di bawah Kementerian Kesihatan kepada Makmal *Natural Product Quality Control* FRIM, FRIM kini bersedia

memainkan peranan sebagai Badan Pensahihan Bahan Mentah dengan kepakaran dalam pengenalpastian tumbuhan bagi menjamin kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubatan tradisional/herba yang dihasilkan.

Dalam ucapan YB Dr. Xavier Jayakumar yang dibacakan oleh YB Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, menyeru agar pihak industri herba dapat menghasilkan produk-produk yang menepati piawaian supaya lebih berdaya saing bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat global.

Beliau turut menyarankan agar sumbangan FRIM kepada industri berasaskan hasil semulajadi melalui perkhidmatan yang ditawarkan, pengeluaran prototaip-prototaip produk melalui R&D, mahupun perkongsian ilmu dan pengetahuan melalui buku-buku ilmiah dan jurnal saintifik terus dipertingkatkan.

Seminar bertemakan, **‘Merungkai Khazanah dan Rahsia Alam Semula Jadi: Spesies Pilihan Semasa’** ini diadakan untuk berkongsi dan mendedahkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) terkini mengenai spesies tumbuhan ubatan yang berpotensi untuk penghasilan produk-produk kosmetik dan farmaseutikal. Program selama dua hari ini turut menghimpunkan lebih 170 peserta termasuk 23 pembentangan oral dan 53 pembentangan poster yang terdiri daripada usahawan herba, penyelidik, ahli akademik, wakil-wakil agensi dan penggubal polisi.

YB Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli turut melancarkan buku terbitan FRIM bertajuk, **‘Medicinal Forest Species in FRIM’** yang mendokumentasikan spesies-spesies hutan yang mempunyai nilai perubatan dalam kampus. Pendokumentasian tersebut penting dalam menyokong

usaha FRIM ke arah pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Beliau turut melancarkan produk kosmetik '**Tranquil Skincare Regimen**' yang dihasilkan daripada ekstrak karas oleh FRIM. Produk ini akan dikomersialkan oleh Syarikat FRIM Incorporated (FRIM Inc.).

FRIM Inc. yang ditubuhkan pada 4 Ogos 2017 adalah merupakan anak syarikat FRIM yang bertujuan mentransformasi hasil penyelidikan dan pembangunan FRIM termasuk perkhidmatan teknikal kepada aktiviti komersialisasi untuk penjana pendapatan.

FRIM bersama 10 syarikat akan mempamerkan hasil penyelidikan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan sepanjang berlangsungnya seminar ini. FRIM turut menganjurkan tiga bengkel berkenaan kawalan kualiti herba, identifikasi bakteria dan proteomik pada 18 dan 19 Oktober untuk memperkasakan kemahiran serta meningkatkan pengetahuan para peserta tentang teknologi terkini.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:-

1. Puan Toh An Nee
Tel: 012-2506897
e-mel annee@frim.gov.my
2. Encik Lim Chung Lu
Tel: 017-4797687
e-mel: limchunglu@frim.gov.my